



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

# **GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN CAKERA OPTIK**

**DI BAWAH  
AKTA CAKERA OPTIK 2000**

**GARIS PANDUAN PERMOHONAN**  
**LESEN PENGILANGAN CAKERA OPTIK**  
**AKTA CAKERA OPTIK 2000**

**1. PENDAHULUAN**

Garis Panduan ini bertujuan untuk membantu syarikat yang berminat untuk memohon Lesen Pengilangan Cakera Optik mengikut keperluan Akta Cakera Optik 2000. Dokumen ini tidak boleh digunakan untuk sebarang pertikaian di mahkamah.

**2. JENIS LESEN PENGILANGAN CAKERA OPTIK**

- i. Dengan kandungan (pre-recorded);
- ii. Boleh rakam (recordable); dan
- iii. Salinan induk (mastering)

**3. KAEDAH PERMOHONAN**

- i. Pemohon hendaklah mengisi borang ACO-1 yang boleh didapati di kaunter Aras 4, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna muat turun di laman sesawang KPDNHEP di alamat [www.kpdnhep.gov.my](http://www.kpdnhep.gov.my).
- ii. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan melalui pos atau serahan tangan kepada :

**Pengawal Cakera Optik**  
**Kementerian Perdagangan Dalam**  
**Negeri dan Hal Ehwal Pengguna,**  
**Sekretariat Perdagangan Pengedaran**  
**dan Industri Perkhidmatan,**  
**Sektor Perdagangan Pengedaran dan**  
**Perniagaan,**  
**Aras 4 (Podium 1), Lot 2G3, Presint 2**  
**Pusat Pentadbiran Kerajaan**  
**Persekutuan 62623 PUTRAJAYA**

#### 4. PERMOHONAN BARU

- i. Dokumen-dokumen yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut :
  - a) Borang ACO-1 (bertaip);
  - b) Pelan Pengeluaran; sama ada mastering, pre-recorded atau recordable;
  - c) Profil syarikat (SSM print-out); dan
  - d) Salinan surat perjanjian atau hak eksklusif dengan syarikat rakaman dalam atau luar negeri untuk mengilang.
  
- ii. Kelayakan Pemohon
  - a) Syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965;
  - b) Syarikat yang mempunyai :
    - Lesen pengilangan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 (bagi modal berbayar melebihi RM2.5juta); atau
    - Surat sokongan MIDA (bagi modal berbayar kurang RM2.5juta)
  - c) Syarikat atau lembaga pengarah tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah Akta Hak Cipta 1987 (Seksyen 41.1(g)) dan/atau Akta cakera Optik 2000 (Seksyen 4 dan Seksyen 19))

#### 5. PERMOHONAN PEMBAHARUAN

- i. **Dokumen-dokumen** yang perlu dilampirkan semasa membuat permohonan adalah seperti berikut :
  - ii. Borang ACO-1 (bertaip); dan
  - iii. Salinan Asal Lesen Pengilangan Cakera Optik

## 6. BAYARAN LESEN

Jenis Permohonan	Bayaran (RM)	
	Tempat Utama	Lain-lain Tempat
Permohonan Baru	2,000	1,000
Permohonan Pembaharuan	2,000	1,000
Pindah Hakmilik Lesen	2,000	
Penggantian Lesen	100	
Salinan Lesen yang diperakui sah	100	

Pembayaran fi lesen boleh dibuat dengan menggunakan wang pos, kiriman wang atau bank draf atas nama "**Pengawal Cakera Optik**". Bayaran melalui **cek/ tunai tidak diterima**.

## 7. PENGELUARAN LESEN

Lesen akan **dicetak / dikeluarkan setelah menerima bayaran** daripada pemohon.

## 8. SERAHAN LESEN

### a. Serahan melalui **kaunter**

Wakil syarikat/perniagaan perlu **mengemukakan surat perwakilan kuasa (*letterhead* syarikat/perniagaan)** sekiranya pemohon **menghantar wakil** untuk mengambil Lesen Pengilangan Cakera Optik.

### b. Serahan melalui **pos**

**Tiada** serahan melalui pos.

## 9. PERTANYAAN

Pertanyaan lanjut berkaitan dengan permohonan lesen pengilangan cakera optik hendaklah dikemukakan kepada :

**Unit Cakera Optik  
Sekretariat Perdagangan Pengeedaran & Industri Perkhidmatan , Aras 4  
(Podium 1), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri  
dan Hal Ehwal Pengguna  
No. 13, Persiaran Perdana, Presint 2  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62623 Putrajaya, Malaysia**

No. Telefon : 03-8882 5938/5705